

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 SEPTEMBER 2016

Usaha menjadikan madu 'makanan super'

BH - 19/9/2016

➔ PM lancar kempen dedah manfaat nutrien untuk kekal sihat, tingkat kecergasan

Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan kempen 'Mulakan Hari Anda Dengan Madu' bagi menggalakkan pengambilan madu tempatan setiap hari sebagai makanan kesihatan tambahan bagi rakyat Malaysia.

Kempen itu bertujuan menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai nilai nutrien dan manfaat madu dalam membantu mengekalkan kesihatan dan meningkatkan kecergasan diri.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Sha-

bery Cheek, berkata Malaysia akan mengadakan promosi besar-besaran supaya madu kelulut negara ini diterima pada peringkat Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sebagai 'makanan super' Malaysia yang pertama.

Garis standard bagi teroka pasaran antarabangsa

"Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini dalam proses menggariskan standard bagi madu kelulut Malaysia supaya boleh dipasarkan pada peringkat antarabangsa sebagaimana madu 'manuka' dari New Zealand.

"Standard yang digariskan MARDI juga akan membantu pengguna membezakan madu yang asli dan tidak asli," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran kempen berkenaan, di sini.

Ahmad Shabery berkata, bagi mempromosi khasiat dan kebaikan madu kelulut di seluruh negara, program 'Kelulut Walk' akan bermula pada Hari Sukan Negara iaitu 8 Oktober ini.

Pada program itu, seorang pengguna madu berkenaan, Sabri Ali, 55, akan menjadi duta kelulut dengan berjalan sejauh 2,000 kilometer (km) merentasi 14

negeri selama 50 hari sebagai testimoni kepada khasiat madu terabit untuk kesihatan dan kecergasan.

Ahmad Shabery berkata, Sabri bukan sahaja menggunakan madu kelulut sebagai makanan, tetapi merawat kakinya yang melecet atau luka dengan menyapu madu berkenaan.

Sementara itu, Sabri ketika ditemui pemberita, berkata sejak mengamalkan madu kelulut sebagai makanan kesihatan tambahan, tahap kesihatan dan kecergasannya meningkat dan beliau tidak perlu terlalu menjaga atau berpantang makan. **BERNAMA**



Keberanian
Takaful IKHLAS untuk Generasi Baharu

Takaful Ikhlas Berhad (593075-U) adalah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad.

Nikmati insurans yang terbaik untuk produk terbitan melalui laman web atau pusat kaunselor kami.

www.takaful-ikhlas.com.my | www.ikhlas.com.my | 03 2723 9696

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5.52	1.15	4.23	7.17	8.26
Alor Setar	5.52	1.15	4.22	7.17	8.27
P. Pinang	5.52	1.15	4.21	7.17	8.26
Ipoh	5.50	1.12	4.17	7.15	8.24
Kuala Lumpur	5.48	1.10	4.13	7.12	8.21
Shah Alam	5.48	1.10	4.13	7.12	8.21
Johor Bahru	5.40	1.01	4.01	7.04	8.12
Kuantan	5.43	1.04	4.06	7.07	8.15
Seremban	5.47	1.08	4.10	7.11	8.19
Bandar Melaka	5.46	1.07	4.09	7.10	8.19
Kota Bharu	5.49	1.07	4.15	7.10	8.15
K. Terengganu	5.41	1.03	4.10	7.06	8.15

PILIHAN TERTINGGI



- ➔ Keluarga perjas kebuni Haron Din di AS
- ➔ Pelajar 13 tahun dirogol 4 kenalan Wechat
- ➔ Keputusan suku akhir Piala Malaysia
- ➔ Hampir separuh orang muda Jepun masih teruna, dara
- ➔ Cat Farish sahkan sudah bercerai